

## **Kandungan Rang Undang-Undang Hukum Pertadbiran Islam (1960) Dijadikan Peraturan?**

Rang Undang-undang Hukum Pertadbiran Islam, 1960, yang telah dikemukakan ke dalam Dewan Undangan Singapura pada tahun 1961 telah pun ditarik semula untuk disemak. Penarikan ini berlaku lebih kurang di antara bulan Julai dan Ogos 1961. Penarikan ini, nampaknya adalah daripada desakan umat Islam yang berasa tidak puas hati di dalam banyak perkara di dalam undang-undang itu yang berlawanan dengan undang-undang syariah Islam yang dianut oleh orang-orang Islam yang bakal dikenakan oleh undang-undang itu.

**(Oleh: Abdullah bin Hamid al-Edrus)**

Semenjak daripada masa itu, maka umat Islam terasa lega sedikit fikirannya dan tertanya-tanya perihal undang-undang yang ditarik balik itu dikemukakan pula kepada Majlis Undangan Singapura tetapi hingga hari ini, Rang Undang-undang Hukum Pertadbiran Islam Singapura itu belum dikemukakan.

Dengan tidak adanya undang-undang yang dikemukakan itu maka kuatkuasa undang-undang Islam 1957 dengan sedikit pindaannya 1960 berjalan kuatkuasanya. Tetapi sempadan undang-undang itu, nampaknya, daripada apa yang dihabarkan, telah melewati batas undang-undang yang tersebut iaitu dengan menjadikan peraturan-peraturan baharu di dalamnya yang hampir keadaannya seperti yang di dalam Rang Undang-undang Hukum Pertadbiran Islam yang telah ditarik balik untuk disemak semula itu.

Perkara-perkara seperti menyekat berkahwin lebih daripada satu dengan syarat meminta izin terlebih dahulu kepada isteri tua; suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak ada persetujuan isterinya; kejadian-kejadian seorang suami yang telah menceraikan isterinya dengan talak *sarih* tidak mau didaftarkan, adalah perkara-perkara yang nampaknya telah dijadikan peraturan-peraturan yang dijalankan, sedang di dalam undang-undang yang berjalan kuatkuasanya (1957 dan pindaannya

1960) sedikit pun tidak menyebut perkara itu bahkan sebahagian daripada perkaranya ada yang telah ditolak oleh Majlis Penasihat Islam, iaitu tempat kerajaan meminta “nasihat” (kalau boleh dikatakan nasihat) atau tempat meminta fikiran dan pendapat di dalam perkara mengenai hukuman agama.

Langkahan kerajaan, kalau dengan tepatnya dikatakan daripada kerajaan, nampaknya telah melaksanakan sesuatu perkara bukannya sahaja telah tidak disetujui oleh umat Islam, tetapi juga telah dibantah oleh Majlis Penasihat Islam.

Mengapa dikatakan “juga oleh Majlis Penasihat Islam?” Jawabnya umat Islam yang mengetahui kedudukan Majlis Penasihat Islam Singapura tidaklah mereka akan memandang bahawa Majlis itu mewakili umat Islam di dalam perkara agamanya sebab di dalamnya, daripada apa yang ada, kebanyakan ahli-ahlinya harus atau boleh jadi, ada yang masih tidak berani tegas di dalam melaksanakan atau menegakkan hukum agamanya.

Perkara ini sebagai buktinya dapat dilihat daripada perkara-perkara yang mengenai Rang Undang-undang Pertadbiran Islam yang ditolak dahulu, dan di dalam perkara-perkara perjalanan Mahkamah Syariah mereka nampaknya tidak berani berterus-terang

**sambungannya pada muka 40**

## Kandungan Rang Undang-Undang Hukum

### Pertadbiran Islam (1960)

Sambungan dari muka 6

berkata: ini yang dan yang batil. Di dalam hal yang mengenai piagam wanita sahaja dikatakan – tidak seorang pun dari ahli majlis yang mau membongkarnya. Umat Islam adalah dikenakan Undang-undang Piagam Wanita di Singapura, (dikecualikan bahagian dua dan empat) padahal tatkala undang-undang itu dikemukakan, Menteri Kehakiman sendiri menyatakan bahawa keseluruhannya undang-undang itu tidak dikenakan ke atas umat Islam.

Sekarang pula oleh “ahli-ahli bijak pandai” di Majlis Penasihat Islam sedang bercita-cita hendak menjadikan Undang-undang Piagam Wanita bahagian empat itu dikenakan atau dijadikan pula undang-undang ke atas umat Islam.

Kalau tuan-tuan pembaca membaca bahagian empat itu, nampaknya adalah sangat baik dan bagus iaitu di dalamnya memberi kebebasan di dalam hak-hak harta, perniagaan dan perusahaan yang dibuat oleh wanita. Bunyinya seakan-akan bunyi apa yang diharuskan, sekali lagi, yang diharuskan oleh syarak tetapi hakikatnya, jika perkara hak ini diperundang-undangkan ertinya akan merosak kedudukan permasyarakatan umat Islam.

Islam memberi persamaan di dalam banyak perkara.

Di dalam hak lelaki dan perempuan seperti firman Allah

(ertinya):

“Dan perempuan-perempuan itu mempunyai setimbang dengan hak lelaki terhadap mereka.”

Menurut al-Qāsimī di dalam tafsirnya bahawa jelasnya tiap-tiap seorang tertuntut menunaikan hak terhadap yang lain.

Di dalam Ṣaḥīḥ Muslim, dari Jābar, bahawa Rasul

Allah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* ada menerangkan di dalam khutbah ketika mengerjakan haji (*ḥujjah al-widā’*), maksudnya

“Takutlah kamu daripada melanggar perintah Allah XXX<sup>1</sup> layanan kamu terhadap kaum perempuan (isteri-isteri XXX<sup>2</sup> itu), kerana kamu telah mengambil mereka dengan amanah! Dan telah menggunakan diri mereka secara halal XXX<sup>3</sup> kalimah Allah (dengan akad nikah)....”

Di dalam hadith (riwayat Abū Dāwūd) ada disebut bahawa Mu‘āwiyah bin Ḥaydah bertanya, katanya: Ya Rasulullah apakah hak isteri terhadap suaminya? Rasulullah menjawab: “Hendaklah diberi makan apabila ia berkehendakkan makan, dan hendaklah diberi pakaian apabila ia berkehendakkan pakaian. Janganlah dipukul mukanya, janganlah dicacinya, dan jangan dia dipulaukan melainkan di rumah.” (maksud jangan dicacinya ialah jangan kita menyumpahnya dengan meminta Tuhan cacatkan dan menghodohkannya).

Di dalam hadith Al-Tirmidhī dan Al-Nasā’ī, dari Ṭaliq bin ‘Alī, bahawa Rasulullah (S.A.W) bersabda (maksudnya): “Apabila seorang suami memanggil isterinya hendaklah ia datang, sekali pun ia sedang memasak.”

Abū Hurayrah pula meriwayatkan bahawa Rasulullah (S.A.W) bersabda (maksudnya): Apabila seorang suami mengajak isterinya tidur bersama, lalu isterinya enggan, dan si suami tidur semalaman-semalaman dalam keadaan marah, maka si isteri itu akan dilaknat oleh malaikat hingga pagi esoknya.

Hadith ini *muttafaq ‘alayh*. (yakni sekata diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim).

Ibn Jarīr dan Ibn Abī Ḥātim meriwayatkan daripada Ibn ‘Abās, katanya: Aku suka berhias untuk isteriku sebagaimana aku suka supaya ia berhias untukku. Kerana Allah *‘Azza wa Jalla* berfirman (maksudnya) “dan perempuan-perempuan (isteri) itu mempunyai hak

<sup>1</sup> Teks asal tidak dapat dibaca.

<sup>2</sup> Teks asal tidak dapat dibaca.

<sup>3</sup> Teks asal tidak dapat dibaca.

## Wartawan Mohd. Ismail bin Abdul Kadir

Dengan sedihnya diberitakan, Encik Mohd. Ismail bin Abdul Kadir, wartawan Melayu yang terkenal telah kembali ke rahmatullah pada malam Isnin 17 Jamādī al-Awwal 1382, bersamaan dengan 15 September 1962, di rumahnya di Kampung Wak Tanjong – Geylang, Singapura.

Wartawan Mohd. Ismail pernah berkhidmat dengan akhbar ((Utusan Melayu)) yang pertama (1917) di Singapura bersama-sama dengan Allahyarham Tuan Sa‘adullah Khan Ketua Pengarangnya. Pernah juga berkhidmat dengan ((Warta Malaya)) dan kemudiannya menjadi pengarang dan penerbit cerita-cerita sandiwara di Radio Singapura.

Allahyarham seorang yang lemah lembut, peramah dan baik pergaulannya dengan sekalian sahabat handainya. Moga-moga Allah cucuri rahmat dan dihimpunkan rohnyanya di dalam kumpulan *ahl al-jannah* serta diberi sabar kepada kaum keluarganya.

seimbang dengan hak lelaki (suami) terhadap mereka.”

### Perhatian:

“*Al-ma ‘rūf*” (perkara yang baik) ialah perkara yang dikenal oleh tabiat manusia yang sempurna sebagai perkara yang baik, yang tidak dikeji, yang diterima oleh akal, dipersetujui oleh kemuliaan budi, dan diakui oleh syarak.

Setengah alim ulama ahli feqah mengatakan: “Tidak wajib si isteri memasak dan sebagainya untuk suaminya, kerana akad nikah yang telah disimpulkan hanyalah terhad pada menggunakan batang tubuhnya.

Tetap kata Al-‘Alāmah Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, dalam tafsirnya “*Mahāsīn al-Tā ‘wīl*”, tujuan ayat ini menolak pendapat alim ulama yang tersebut, dan menjadi dalil tentang wajib perkara yang ma‘ruf dari pihak isteri terhadap suaminya (kerana masing-masingnya mempunyai hak yang sama). Dengan inilah juga telah difatwakan oleh Al-Imām Ibn Taymiyyah bersesuaian dengan mazhab Mālikī.

Dan dengan ini juga telah difatwakan oleh Abū Bakr bin Shaybah dan Abū Ishāq al-Jūzjānī dengan mengemukakan bukti suatu hadith bahawa Rasulullah (S.A.W) telah memerintahkan puterinya Saiyidinā Fāṭimah supaya membuat kerja rumah (di rumah suaminya Saiyidinā ‘Alī) dan juga membuat kerja di luar rumah yang menjadi tugasnya. (Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Jūzjānī dari beberapa jalan hadith).

Dalam pada itu, kaum lelaki mempunyai kelebihan atas kaum perempuan, sebagaimana yang dijelaskan oleh firman Allah Ta‘ālā:

“*Wa lilrijāli ‘alayhinna darajat*”

“Tetapi lelaki mempunyai darjat (kekuasaan) atas perempuan.”

Yakni sungguh pun hak suami sama setimbang dengan hak isteri, tetapi suami ada mempunyai hak berkuasa atas isteri, sedang isteri tidak berkuasa atas suami.

Al-Tirmidhī meriwayatkan daripada Ābū Hurayrah bahawa

Rasulullah (S.A.W) bersabda; (maksudnya): Kalaulah boleh aku memerintahkan seseorang itu sujud kepada seorang yang lain, nescaya aku memerintahkan perempuan supaya sujud kepada suaminya.” Sekian keterangan Al-Qāsimī.

Daripada keterangan ini jelaslah bahawa Islam memberi keutamaan kepada wanita-wanita tetapi menyatakan kelebihan lelaki ke atas wanita-wanita. Kalau sekiranya hak kebebasan wanita seperti yang termaktub di dalam Piagam Wanita diperundang-undangkan maka akibatnya akan membawa bencana, kerana hak-hak yang diberi oleh Islam itu hanya harus semata-mata bukan suatu perkara wajib yang didatangkan hukuman ke atasnya. Dasarnya adalah didatangkan untuk menentukan hak masing-masing sedang dengan demikian ia tidak akan mengugurkan hak-hak suami.

Suami, adalah dilebihkan Tuhan sebagai kepala keluarga yang menyusun dan mengatur akan peraturan-peraturan hidup di rumah tangganya; sedang perempuan adalah wajib mentaati akan perintah-perintah suaminya.

Sekiranya diperundang-undangkan, maka jika datang seorang isteri menuntut atau mengadu bahawa ia sedang bekerja atau akan mengurus perniagaannya bersama-sama dengan lelaki lain ke sana sini – mengikut undang-undang orang Barat yang diikuti oleh Undang-undang Piagam Wanita itu sudah tentu suaminya tidak boleh menegah seseorang isteri yang menjalankan usahanya sendiri sekali pun suami ada mempunyai kesanggupan dan kemampuan dalam perbelanjaan dan penyelenggaraan isterinya.

Tetapi yang demikian tidak dibenarkan dan tidak dilewatkan oleh syarak sebab syarak, di dalam apa-apa hukum pun menganjurkan lebih dahulu menjauhkan mudarat lebih didahulukan (diutamakan) daripada mengambil manfaat – ertinya menjauhkan bencana lebih utama, lebih diutamakan, daripada mengambil manfaat daripadanya sebab jika diperundang-undangkan barang yang diharuskan itu padahnya sangat besar kerana apabila seorang suami menegah isterinya keluar jadi

broker umpamanya, dalam golongan masyarakat yang terbuka.

Isteri akan berkata dan mengadu bahawa suami akan menegah hak-haknya dan kebebasan yang telah ada diperundang-undangkan. Ertinya seorang suami Islam tidak ada haknya lagi di dalam kebebasan sebagai suami.

Ia, sebagai suami terpaksa kelak akan ditutup mulutnya sekali pun melihat isterinya berjalan berganding dengan lelaki lain yang bukan mahramnya, berjalan ke sana sini dengan bebasnya kerana menunaikan “perniagaan”. Suami tidak lagi akan ada haknya menahan sebab ia berhak menyempurnakan perniagaan dan pekerjaannya.

Suami tidak berhak pula untuk meminta isterinya menyelenggarakan rumahtangga dan didikan di rumahnya. Apakah ini yang dikehendaki oleh Islam?

Saya berharap, alim ulama yang ada di dalam Majlis Islam, di dalam menghadapi keadaan sekarang terutamanya mengenai hukum-hukum Islam, jika dipaksakan atau hukum-hukum agama yang berasaskan dengan Kitab Allah dan al-Sunnah diperkosa, ditokok tambah dengan perasaan dan fikiran “ahli-ahli fikir” yang berkulit Islam di dalam Majlis itu, sekiranya dipaksa maka wajib bagi mereka menunjukkan dengan amalan dan perbuatan dengan beramai-ramai meletakkan jawatan supaya majlis yang serupa itu dibubarkan atau sekurang-kurangnya umat Islam dan dunia mengetahui apa sebenarnya yang terjadi. Sekiranya mereka berdiam mereka akan menghadapi dua perkara:

- 1) Mereka dikatakan memperbuat undang-undang atau sekurang-kurangnya bersyubhat memperbuat sesuatu yang bertentangan dengan hukum Allah.
- 2) Mereka hanya mengutamakan kedudukan dan tempat sahaja.

Moga-moga Allah memberi kesedaran kepada mereka. Āmīn.

----oOo----